

11 MAY 1996

Mahathir-Melayu

MELAYU TAK HARUS JADI MISKIN DI NEGARA KAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata Umno akan meneruskan perjuangan bagi memastikan Melayu tidak menjadi miskin dalam sebuah negara yang kaya.

Katanya selama ini parti yang berusia setengah abad itu telah berjaya membangunkan ekonomi negara tanpa melupakan tugas menjaga kepentingan orang Melayu dan kaum bumiputera.

"Untuk membangunkan ekonomi, adalah lebih mudah kita lupakan sahaja masalah orang Melayu dan kita biarkan orang yang lebih cekap dalam ekonomi menguruskan segala-segala, mencari kekayaan dan memperkayakan negara.

"Tetapi kalau kita berbuat demikian, kita akan menjadi orang miskin di negara yang kaya, dan sudah tentu kita tidak mahu keadaan itu walaupun negara itu adalah negara yang merdeka," katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Perdana 50 Tahun Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Jamuan itu dihadiri kira-kira 11,000 jemputan yang memenuhi Dewan Merdeka, Dewan Tun Razak, Dewan Tun Hussein Onn, Dewan Tun Dr Ismail dan sekitar ruang legar PWTC.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata tidak banyak negara lain, yang menghadapi situasi sama dengan Malaysia, mampu melaksanakan kedua-dua tanggungjawab memajukan ekonomi dan memelihara kepentingan bumiputera secara serentak.

"Kejayaan Umno adalah luar biasa, tiada parti politik lain yang berjaya seperti Umno," katanya.

Beliau mengingatkan para anggota Umno, khususnya golongan muda, supaya bersiap sedia dengan nilai-nilai murni bagi menentukan parti itu terus mendapat sokongan dan dihormati.

"Yakinlah kita boleh kalau kita betul-betul berminat dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap bangsa kita," katanya.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga pengerusi jamuan itu menyifatkan jamuan itu sebagai lambang kekuatan dan perpaduan Umno.

Pada majlis itu Dr Mahathir bersama para pemimpin tertinggi parti telah bersama-sama memotong kek ulangtahun ke-50 Umno dengan sebilah keris. Mereka juga bersama-sama menjamah pulut kuning.

Jamuan itu diserikan dengan persembahan kebudayaan. -- BERNAMA

AFY MAM NAK